

Breaking News: [Ridhuan still on the run, Indira Gandhi worried about daughter](#)

SJKT Kajang harumkan nama negara di peringkat antarabangsa

Posted: 5:51 pm, May 24, 2016 by editor



KAJANG, 24 Mei : Penyertaan sulung Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kajang dalam Interact Video Awards (IVA) 2015 berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia apabila merangkul Anugerah 'Fan Favourite' bagi klip video terbitannya.

Kemenangan ini sekaligus menewaskan 87 penyertaan dalam kategori sama yang melibatkan 25 negara seluruh dunia.

"Konsep '1 Interactor 1 Plant' merupakan projek ahli Kelab Interact SJKT Kajang dengan tujuan melengkapkan mereka dengan kesedaran memelihara alam sekitar.

"Perkembangan projek tersebut diabadikan sebagai klip video bagi penyertaan IVA 2015 dan nyata sekolah ini berjaya mengungguli carta undian ramai sebanyak 42,106 undi.

"Ia antara lain mengetepikan penyertaan dari Brazil (39,000 undi) dan India (37,000 undi)," kata Guru Besar SJKT Kajang John Posko Anthony kepada pemberita selepas majlis penganugerahan Interact Award kepada sekolah tersebut.

Anugerah berupa plak cenderahati dan sijil penghargaan itu disampaikan Governor Rotary International District 3300 Malaysia Siti Subaidah Adil dalam satu majlis di sekolah tersebut di sini, hari ini.

Siti Subaidah berkata kejayaan ini merupakan hasil kolaborasi antara Universiti Putra Malaysia (UPM), Kelab Rotary Kajang, Kelab Interact SJKT Kajang dan guru-guru sekolah tersebut.

SJKT Kajang adalah sekolah rendah jenis kebangsaan pertama di negara ini yang menubuhkan Kelab Interact.

"Adalah penting bagi pelajar-pelajar sekolah terlibat dalam projek antarabangsa kerana ia mampu memberikan pendedahan lanjut mengenai cabaran global," kata Siti Subaidah.

IVA merupakan program tahunan anjuran Kelab Rotary Antarabangsa yang bertujuan membentuk kepimpinan dan sahsiah diri ahli Kelab Interact di institusi pengajian di seluruh dunia.

Pada majlis sama, 50 pelajar kurang berkemampuan di sekolah tersebut diberi Kad MyKasih bagi tempoh 10 bulan persekolahan, sumbangan Yayasan MyKasih, Kelab Rotary Kajang dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru SJKT Kajang.

Kad MyKasih ini merupakan kad bernilai RM60 sebulan yang bertujuan membeli makanan dan peralatan sekolah di kantin dan kedai buku sekolah tersebut.

— Bemama